

PEMBIAYAAN PERIBADI

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum memohon produk ini dan izinkan pihak kami menerangkan kepada awda sekiranya awda memerlukan apa-apa penjelasan. Sila juga baca Terma dan Syarat Am yang berkaitan.

PEMBIAYAAN MIKRO AR-RAHNU

1) Apakah produk ini?

Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu adalah skim yang menyediakan kemudahan pembiayaan jangka pendek yang menggunakan barang-barang emas sebagai cagaran. Nilai cagaran adalah diukur untuk mengira jumlah pembiayaan.

2) Apakah dia produk yang ditawarkan di bawah Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu?

Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu menawarkan dua produk bagi pilihan pelanggan:

Az-Zahab	Al-Jauhar
- Pelanggan hendaklah mempunyai akaun dengan BIBD - Emas akan dipajak sebagai cagaran (jika bersalut dengan batu/permata, hanya emas yang akan dinilai) - Yuran penyimpanan dibayar pada bila-bila masa dalam tempoh pembiayaan atau semasa penebusan emas - Jumlah tunggakan boleh dibayar pada bila-bila masa dalam tempoh pembiayaan atau semasa penebusan emas	- Pelanggan hendaklah mengaturkan gaji mereka ke BIBD - Emas akan dipajak sebagai cagaran (jika bersalut dengan batu/permata, hanya emas yang akan dinilai) - Yuran penyimpanan dibayar melalui potongan gaji setiap bulan - Jumlah tunggakan boleh dibayar pada bila-bila masa dalam tempoh pembiayaan atau semasa penebusan emas

3) Apakah konsep dan struktur Syariah bagi produk ini?

Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu yang disediakan oleh Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) adalah berlandaskan kepada konsep Syariah seperti berikut:

- Ar-Rahnu: merupakan konsep pajak gadai Islam yang mana barang yang bernilai dipajak sebagai cagaran bagi mendapatkan pembiayaan.
- Al-Qardhul Hasan: perjanjian pembiayaan, di mana BIBD memberikan pembiayaan kepada pelanggan dengan hanya perlu membayar jumlah yang dipinjam.
- Al-Wadi'ah Yad Dhamanah: perjanjian di antara pelanggan dan BIBD di mana BIBD menerima penjagaan barang bernilai (emas dan barang yang bernilai) dan memastikan emas disimpan dengan selamat dengan jaminan daripada kehilangan, kerosakan, kecurian dan sebagainya dengan yuran.

4) Siapakah yang boleh memohon?

Pelanggan yang ingin memohon Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu mestilah memenuhi kriteria berikut:

- Warganegara/Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam;
- Berumur 18 tahun hingga 65 tahun;
- Mempunyai Akaun Simpanan dengan BIBD;
- Menerima pendapatan bulanan tetap melalui gaji atau pencen (untuk produk Al-Jauhar sahaja).

5) Bagaimanakah pengiraan jumlah kelayakan bagi Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu?

Kelayakan Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu adalah dikira berdasarkan perkara berikut:

- Untuk produk Az-Zahab, sehingga 60% daripada penilaian harga emas boleh dibiayai dengan had harian di antara B\$ 100.00 ke B\$ 7,000.00.
- Untuk produk Al-Jauhar, sehingga 80% daripada penilaian harga emas boleh dibiayai dengan had harian di antara B\$ 100.00 ke B\$ 8,000.00.

Kelayakan yang muktamad adalah tertakluk kepada polisi kredit dalaman pihak BIBD dan penilaian keseluruhan.

6) Berapakah tempoh pembiayaan maksimum?

Tempoh pembiayaan adalah seperti berikut:

- Az-Zahab - sehingga 12 bulan
- Al-Jauhar - sehingga 12 bulan

7) Berapakah kadar Yuran Penyimpanan?

- Yuran penyimpanan ialah B\$ 0.70 bagi setiap B\$ 100.00 nilai emas setiap bulan.
- Penilaian harga emas boleh berubah dari semasa ke semasa dan boleh menjejaskan yuran penyimpanan pelanggan. Penilaian harga emas semasa akan dipamerkan di cawangan Ar-Rahnu.
- Yuran Penyimpanan adalah berdasarkan Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002 dan Perintah Pemegang Pajak Gadai (pindaan) 2005.

8) Bagaimanakah pembayaran Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu?

- Bagi produk Az-Zahab, bayaran bulanan adalah tidak ditetapkan dan pelanggan dibolehkan membayar jumlah pembiayaan serta yuran penyimpanan pada bila-bila masa sebelum tarikh matang.
- Manakala bagi produk Al-Jauhar, jumlah yuran penyimpanan bulanan akan dipotong dari akaun BIBD awda pada setiap bulan dan pelanggan dibolehkan membayar jumlah pembiayaan pada bila-bila masa sebelum tarikh matang.
- Bagi makluman awda, yuran penyimpanan adalah tidak tetap, dan kiraannya adalah tertakluk kepada harga emas semasa.

9) Apakah had pembiayaan bagi Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu?

Had Pembiayaan Mikro *Ar-Rahnu* adalah seperti berikut:

Had	<i>Az-Zahab</i>	<i>Al-Jauhar</i>
Had Pembiayaan Harian Minimum	B\$ 100.00/Sehari	B\$ 100.00/Sehari
Had Pembiayaan Harian Maksimum	B\$ 7,000.00/Sehari	B\$ 8,000.00/Sehari
Had Maksimum bagi setiap Pelanggan	B\$ 25,000.00	B\$ 35,000.00

10) Bagaimanakah cara saya untuk memohon?

Awda boleh berbincang dengan Pegawai Perbankan Peribadi kami di mana-mana cawangan *Ar-Rahnu* BIBD untuk menyerahkan dokumen-dokumen yang diperlukan, Borang Pembiayaan *Ar-Rahnu* dan barang pajakan.

11) Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya hadapkan?

Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi Pembiayaan Mikro *Ar-Rahnu* adalah seperti berikut:

- Salinan asal Kad Pengenalan
- Salinan asal Kad Pengenalan atau Pasport Isteri (jika pemohon adalah lelaki yang berkahwin)
- Salinan asal Slip Gaji Terkini (bagi *Al-Jauhar* sahaja)
- Sijil Perkahwinan/ Pembatalan/ Cerai/ Mati (jika berkenaan)
- Surat Kebenaran daripada Pemilik Kolateral (jika berkenaan)

12) Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?

Caj dan yuran yang dikenakan adalah seperti di dalam Jadual Tarif BIBD sepertimana yang dipaparkan di laman web BIBD di www.bibd.com.bn.

13) Bagaimana jika saya gagal membuat bayaran bulanan saya?

- Jika awda gagal membuat bayaran bulanan atau jumlah pembiayaan serta yuran penyimpanan sebelum tarikh matang, bayaran yang tidak dibayar akan dicerminkan dalam Laporan Biro Kredit awda, yang mungkin akan menjejaskan hasil permohonan pembiayaan masa hadapan awda sebab ini adalah termasuk dalam setiap penilaian pembiayaan.
- Awda adalah masih bertanggungjawab untuk membayar baki tertunggak awda kepada pihak BIBD termasuk segala bayaran yang berkaitan dengan kemudahan, seperti takaful, kos guaman dan sebagainya, jika terdapat sebarang prosiding undang-undang. Oleh itu pihak BIBD juga mempunyai hak untuk menyatukan akaun BIBD awda dan memindahkan jumlah baki akaun untuk pembayaran kepada kemudahan tersebut.
- Emas atau barang yang bernilai yang dicagarkan sebagai jaminan boleh dilelong dan hasilnya digunakan untuk membayar baki yang tertunggak awda kepada pihak BIBD. Sebarang lebihan hasil setelah pembayaran baki tertunggak akan dikreditkan ke dalam akaun awda.

14) Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Perlindungan takaful tidak diperlukan bagi produk ini.

15) Apakah risiko-risiko utama?

- Kos tambahan untuk menanggung dari prosiding undang-undang jika berlaku kejadian keingkaran
- Emas atau barang yang bernilai yang dicagarkan mungkin akan dilelong jika sekiranya berlaku keingkaran dalam membuat pembayaran

Sila rujuk terma dan syarat yang berkenaan bagi maklumat lanjut.

16) Bolehkah saya membiaya semula Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu saya?

Pembiayaan Mikro Ar-Rahnu yang sedia ada boleh dibiayai semula menggunakan barang bernilai yang sama yang telah dicagarkan, tertakluk kepada polisi kredit Bank and penilaian keseluruhan.

17) Bolehkah saya melunaskan pembiayaan saya lebih awal daripada jadual?

Pelunasan awal pembiayaan boleh dilakukan pada bila-bila masa sebelum tarikh matang, yang mana termasuk penyelesaian penuh pembiayaan tertunggak dan yuran penyimpanan.

18) Adakah saya perlukan penjamin?

Penjamin tidak diperlukan untuk produk ini.

19) Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

Awda akan diberikan terma dan syarat yang termasuk maklumat seperti berikut:

- Proses Akad (Tawaran dan Penerimaan); dan
- Akibat daripada keingkaran dalam membuat pembayaran.

Awda dikehendaki untuk membaca dan memahami terma dan syarat yang berkenaan yang telah diberikan kepada awda.

20) Berapakah jumlah yang saya layak?

Nilai Emas	B\$		Yuran Penyimpanan	B\$	
Jumlah Pembiayaan Dipohonkan	B\$		Tempoh	Bulan	

21) Adakah terdapat kemudahan/produk yang sama?

Tidak.

22) Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan pada butiran hubungan saya?

- Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran hubungan awda, seperti alamat atau nombor telefon, sila kunjungi cawangan BIBD kami dan lengkapkan Borang Kemaskini Keterangan Peribadi (PPU).
- Adalah penting untuk awda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butir-butir hubungan awda bagi memastikan agar segala urusan surat-menyurat sampai kepada awda tepat pada masanya.

23) Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan remedi?

Jika awda memerlukan bantuan dengan produk ini, awda boleh emel Unit Resolusi Pelanggan kami di customer.resolution@bibd.com.bn, hubungi Pusat Perhubungan kami di +673 2238181 atau kunjungi cawangan Ar-Rahnu kami di:

- Cawangan Serusop
- Cawangan Seria

Aduan juga boleh dialamatkan kepada:

Unit Resolusi Pelanggan

Tingkat 6, BIBD Headquarters
Lot 159
Jalan Pemancha
Bandar Seri Begawan
BS8711

Jika awda tidak berpuas hati dengan keputusan resolusi kami terhadap pertanyaan atau aduan awda, awda boleh menghubungi Financial Consumer Issues di:

Brunei Darussalam Central Bank

Level 7, Financial Consumer Issues
Brunei Darussalam Central Bank
Ministry of Finance and Economy Building
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan

Tel no. : +6732380007
Emel : fcf@bdcdb.gov.bn

24) Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan pada butiran hubungan saya?

Pusat Perhubungan kami tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu di talian +673 2238181. Sila kunjungi laman web kami di www.bibd.com.bn, atau cawangan-cawangan Ar-Rahnu kami:

- Cawangan Serusop
- Cawangan Seria

NOTA PENTING:


Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap awda sekiranya awda gagal untuk membayar mana-mana obligasi awda mengikut cara yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu antara awda dan pihak Bank.

Terma dan Syarat muktamad adalah seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu selepas penilaian pihak Bank serta kelulusan bagi pembiayaan.


Kelayakan yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah pada masa ia diberikan kepada awda dan adalah INDIKATIF berdasarkan garis panduan semasa, tertakluk kepada perubahan pada kelulusan muktamad pembiayaan.

Saya dengan ini mengesahkan telah menjelaskan Lembaran Maklumat Produk (PDS) kepada Pelanggan dalam bahasa pilihan mereka. Bahasa pilihan : _____ Nama Staff : _____ No. ID : _____ Tarikh : _____	Saya dengan ini mengesahkan telah memahami penjelasan dan kandungan Lembaran Maklumat Produk (PDS) yang diberikan dalam bahasa pilihan saya. Bahasa pilihan : _____ Nama : _____ No. IC : _____ Tarikh : _____
--	--

Bruneian at Heart



AR-RAHNU MICRO FINANCING PRODUCT DISCLOSURE SHEET



PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Please read this Product Disclosure Sheet before applying for this product and allow us to explain if you require any clarification. Please also read the related Terms & Conditions.

AR-RAHNU MICRO FINANCING

1) What is this product about?

Ar-Rahnu Micro Financing is a scheme which provides a short-term secured financing facility using gold items as collateral. The value of the collateral is measured to calculate the financing amount.

2) What products are offered under Ar-Rahnu Micro Financing?

Ar-Rahnu Micro Financing offers two products for customers to choose:

Az-Zahab	Al-Jauhar
- Customers shall maintain an account with BIBD - Gold will be pledged as collateral (precious stones attached to the gold are excluded from valuation) - Safekeeping fee can be paid anytime during the financing period or during gold redemption - Outstanding amount can be settled anytime during the financing period or during gold redemption	- Customer shall assign their salary to BIBD (Assignment of Salary) - Gold will be pledged as collateral (precious stones attached to the gold are excluded from valuation) - Safekeeping fee will be deducted from customer's salary on monthly basis - Outstanding amount can be settled anytime during the financing period or during gold redemption

3) What is the Shariah concept and structure for this product?

Ar-Rahnu Micro Financing offered by Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) is based on the following Shariah concepts:

- Ar-Rahnu: also known as Islamic pawn, refers to the mechanism whereby an item of value is pledged as a security for financing
- Al-Qardhul Hasan: the financing agreement, whereby BIBD grants financing to the customer and is required to pay only the amount borrowed.
- Al-Wadi'ah Yad Dhamanah: is an agreement between the customer and BIBD, whereby BIBD accepts custody of the item of value (gold and valuable items) and ensures the safekeeping of the gold with guarantee against loss, damage, theft and the like with fees.

4) Who can apply?

Customers who wish to apply for the Ar-Rahnu Micro Financing must meet the following criteria:

- Bruneian Citizen / Permanent Resident
- Age between 18 to 65 years old;
- Maintain BIBD Savings Account; and
- Receiving fixed monthly income through salary or pension (applicable for *Al-Jauhar product only*).

5) How much is my entitlement?

The Ar-Rahnu Micro Financing entitlement is calculated according to the following:

- For the Az-Zahab product, up to 60% of the gold price valuation can be financed with a daily limit of between B\$ 100.00 to B\$ 7,000.00.
- For the Al-Jauhar product, up to 80% of the gold price valuation can be financed with a daily limit of between B\$ 100.00 to B\$ 8,000.00.

The final entitlement shall be subject to BIBD's internal credit policies and overall assessment.

6) What is the maximum tenure?

The tenure are as follows:

- Az-Zahab - up to 12 months
- Al-Jauhar - up to 12 months

7) How much is the safekeeping fee?

- The safekeeping fee is B\$ 0.70 per B\$ 100.00 of the gold value per month.
- The gold price valuation may change from time to time and may affect the customer's safekeeping fee. The current gold price valuation will be published at Ar-Rahnu branches.
- Safekeeping Fees are in accordance with the Pawnbrokers Order, 2002 and Pawnbrokers (Amendment) Order, 2005.

8) How do I make payments for Ar-Rahnu Micro Financing?

- For Az-Zahab product, the monthly payment is not fixed, and customer is allowed to pay their financing amount and safekeeping fee at any time prior to maturity date.
- For Al-Jauhar product, the monthly safekeeping fee will be deducted from your BIBD account on a monthly basis and customer is allowed to pay their financing amount at any time prior to maturity date.
- For your information, safekeeping fee are not fixed and the calculation will be subjected to the current gold price.

9) What is the financing limit for Ar-Rahnu Micro Financing?

The financing limit for Ar-Rahnu is as per below:

Limit	<i>Az-Zahab</i>	<i>Al-Jauhar</i>
Minimum Daily Financing Limit	B\$ 100.00/Day	B\$ 100.00/Day
Maximum Daily Financing Limit	B\$ 7,000.00/Day	B\$ 8,000.00/Day
Maximum Limit per Customer	B\$ 25,000.00	B\$ 35,000.00

10) How do I apply?

You may speak to our Personal Bankers at any BIBD Ar-Rahnu branches to submit the required documents, the Ar-Rahnu Financing Form and pledged item(s).

11) What documents do I need to submit?

The documents required for Ar-Rahnu Micro Financing application are as follows:

- Original copy of Identification Card
- Original copy of Wife's Identification Card or Passport (if applicant is a married man)
- Original copy of Latest Salary Slip (for Al-Jauhar)
- Marriage/Annulments/Divorce/Death Certificate (where applicable)
- Consent Letter from Collateral Owner (where applicable)

12) What are the fees and charges I have to pay?

The applicable fees and charges are provided in BIBD's prevailing Schedule of Tariffs, published on BIBD's website at www.bibd.com.bn

13) What if I fail to fulfill my obligations?

- If you fail to make your monthly payments or financing amount inclusive of safekeeping fees prior to maturity date, the missed payments will be reflected in your Credit Bureau Report, which may affect the outcome of your future financing applications as it is included in the financing assessment.
- You will still be liable to pay any outstanding balances to BIBD, which will include all fees related to the facility such as takaful, legal costs, etc if there are any legal proceedings. As such, BIBD also has the right to consolidate your accounts with BIBD and set-off or transfer any outstanding sums as payment towards the facility.
- The gold or valuable items pledged as collateral may be auctioned and the proceeds will be used to pay any outstanding balances to BIBD. Any surplus amount from the auction will be credited into your account after settlement of the outstanding balance.

14) Do I need Takaful coverage?

Takaful coverage is not required for this product.

15) What are the major risks?

- Additional costs to bear from legal proceedings in the event of default
- Gold or valuable items pledged as collateral may be auctioned in the event of default

Please refer to terms and conditions for more information.

16) Can I refinance my Ar-Rahnu Micro Financing?

The existing Ar-Rahnu Micro Financing may be re-financed using the same collateral that was pledged, however subject to the Bank's credit policies and overall assessment.

17) Can I settle my financing ahead of schedule?

Early settlement of the financing can be done at any time prior to maturity date, which includes full settlement of the outstanding financing and the safekeeping fees.

18) Do I need a guarantor?

Guarantors are not required for this product.

19) What are the key terms and conditions that I should know?

You will be provided with the terms and conditions which include details on the following:

- Aqad (Offer and Acceptance) process; and
- Consequences of events of default in payment

You are required to read and understand the applicable terms and conditions provided to you.

20) What is my entitlement?

Value of Gold	B\$		Safekeeping Fee	B\$	
Financing Amount Applied	B\$		Tenure	Month	

21) Are there any similar facilities/products available?

No.

22) What do I need to do if there are any changes to my contact details?

- If there are any changes to your contact details, such as your address or your phone number, visit any of our BIBD branches and complete the Personal Particular Update Form (PPU).
- It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

25) Where can I get assistance and remedy?

If you require any assistance with the product, you may email our Customer Resolution Unit at customer.resolution@bibd.com.bn, call our Contact Centre at +673 2238181 or visit our Ar-Rahnu Branches at:

- Serusop Branch
- Seria Branch

Complaints may also be addressed to:

Customer Resolution Unit

Level 6, BIBD Headquarters LOT 159
Jalan Pemancha
Bandar Seri Begawan
BS8711

If you are not satisfied with the result of our resolution on your query or complaint, you may contact Financial Consumer Issues at:

Brunei Darussalam Central Bank

Level 7, Financial Consumer Issues
Brunei Darussalam Central Bank
Ministry of Finance and Economy Building
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan

Contact no. : +6732380007

Email : fci@bdcdb.gov.bn

26) Where can I get further information?

Our Contact Centre is available 24 hours a day, 7 days a week at +673 2238181. Please also visit us at our website at www.bibd.com.bn or our Ar-Rahnu Branches:

- Serusop Branch
- Seria Branch

IMPORTANT NOTE:

Legal action may be taken against you if you fail to pay any of your obligations in the manner stipulated in the *Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu* between yourself and the Bank.

The final Terms and Conditions are as stipulated in the *Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu* after the Bank's assessment and financing approval.

The entitlement provided in this Product Disclosure Sheet is valid at the time it is provided to you and is INDICATIVE, based on current guidelines, subject to changes upon final approval of the financing.

I hereby confirm that I have explained the Product Disclosure Sheet (PDS) to the Customer in his/her preferred language. Preferred language : _____ Name : _____ ID No. : _____ Date : _____	I hereby confirm that I have understood the explanation and contents of the Product Disclosure Sheet (PDS) given in my preferred language. Preferred language : _____ Name : _____ ID No. : _____ Date : _____
---	---

Bruneian at Heart

